

Bahagian B

[30 markah]

Soalan 21

(a) Perkataan bergaris dalam ayat-ayat di bawah **salah penggunaannya**.
Tulis **perkataan yang betul** dalam ruang yang disediakan.

(i) Kita hendaklah bangun di awal pagi.

(ii) Surat itu daripada Sabah.

(iii) Adik terjatuh sambil menangis.

[3 markah]

(b) Tandakan (✓) di dalam petak yang disediakan bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

(i) Datuk menebang _____ pokok.

sebatang	
----------	--

setangkai	
-----------	--

setongkol	
-----------	--

(ii) Ibu membeli _____ jagung.

sebiju	
--------	--

setongkol	
-----------	--

segugus	
---------	--

[2 markah]

(c) Tulis jawapan yang sesuai bagi soalan yang diberikan dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Raju : Bolehkah saya meminjam pensel awak?

Abu : _____

[2 markah]

(d) Lengkapkan frasa berikut supaya menjadi peribahasa.

(i) Bagai pungguk _____

(ii) Seperti katak _____

[2 markah]

Soalan 22

Tandakan (✓) pada ayat yang betul dan (×) pada ayat yang salah.

(i)	Asmah tinggal di Taman Sentosa.	
(ii)	Keluarga itu telah berpindah ke Perak.	
(iii)	Ayah bekerja keras untuk mencari duit.	
(iv)	Abu memberikan kotak itu pada kawannya.	
(v)	Anisa bersiar-siar pada taman.	

[5 markah]

Soalan 23

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.


kanak-kanak	apabila	kerana
pada	dalam	untuk

- (i) _____ sedang seronok bermain di taman.
- (ii) Cikgu memarahi Azfar _____ membuat bising.
- (iii) Suzy meletakkan kasut sekolahnya di _____ almari.
- (iv) Buah-buahan bagus _____ tubuh badan.

[4 markah]

Soalan 24

Teliti carta di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.



(a) Selepas mengalihkan anak pokok ke dalam lubang, apakah proses seterusnya?

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

(b) Mengapakah pokok bunga perlu disiram selepas ditanam?

[2 markah]

(c) Pada pendapat kamu, apakah yang perlu dilakukan selain daripada menyiram pokok bunga itu? **KBAT**

[3 markah]